

**SPEECH BY DATUK PROFESSOR Ir. ISMAIL BIN HASSAN, VICE CHANCELLOR
UTeM DURING A PRESS CONFERENCE – PERSIDANGAN ANTARABANGSA
KEJURUTERAAN DAN KOMUNIKASI TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICEI 2007)**

**PLACE:
HOTEL EQUATORIAL
MELAKA**

**DATE :
27TH – 28TH NOVEMBER 2007**

PRESS CONFERENCE

LATAR BELAKANG

TAJUK : PERSIDANGAN ANTARABANGSA
KEJURUTERAAN DAN
KOMUNIKASI TEKNOLOGI
MAKLUMAT (ICEI2007)

TARIKH : 27 HINGGA 28 NOVEMBER 2007

TEMPAT : HOTEL EQUATORIAL MELAKA

TEMA : 'ENGINEERING & ICT :
MEETING THE CHALLENGES OF
ADVANCED MANUFACTURING'
(KEJURUTERAAN & ICT :
MEMENUHI CABARAN
PEMBUATAN TERMAJU)

PERASMI : Y.B. DATUK PROF. DR. HJ.
MOHD. RUDDIN BIN AB. GHANI,
SETIAUSAHA PARLIMEN,
KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENGANJUR : UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
(UTeM) SELAKU TUAN RUMAH

FAKTA TENTANG UTeM :

- UTeM DITUBUHKAN PADA 1 DISEMBER 2000 DENGAN NAMA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) SEBAGAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) KE - 14 DI MALAYSIA

➤ SELEPAS ENAM TAHUN PENUBUHANNYA, MENERUSI PENJENAMAAN SEMULA, KUTKM DIKENALI SEBAGAI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) PADA 1HB FEBRUARI 2007. UTeM MENERAJUI PENDIDIKAN TINGGI MELALUI PEMBELAJARAN BERTERASKAN AMALAN DAN APLIKASI IAITU PENEKANAN AKADEMIK, BUKAN SAHAJA BERASASKAN TEORI BAHKAN DIPERKUKUHKAN DENGAN PENGALAMAN AMALI (HANDS-ON) DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN OUTCOME.

➤ SELAIN ITU, MAKMAL LENGKAP YANG BERKUALITI TINGGI DIMILIKI UTeM TURUT MENYEDIAKAN PENDEDAHAN DAN PENGALAMAN PENTING KEPADA PELAJAR UNTUK MENJADI GRADUAN

YANG KOMPETEN SERTA SEDIA UNTUK BEKERJA. KOMBINASI SISTEM PEMBELAJARAN YANG UNIK DAN KELENGKAPAN MODEN SEMEMANGNYA MENYOKONG SUASANA PENYELIDIKAN YANG KONDUSIF DI UTeM.

➤ OLEH DEMIKIAN KAMI MELIHAT BAHAWA PERSIDANGAN INI MENANDAKAN SATU TITIK PERMULAAN KEPADA KESEDIAAN UTeM UNTUK MENJADI UNIVERSITI GLOBAL DARI SEGI PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN.

OBJEKTIF PERSIDANGAN

1. PERSIDANGAN INI DIADAKAN BERTUJUAN MENGUMPULKAN AHLI AKADEMIK, PENYELIDIK DAN PENGAMAL INDUSTRI YANG BERKAITAN DALAM MENEROKAI BIDANG BARU TERUTAMA KEJURUTERAAN SERTA ICT.

2. SEPANJANG DUA HARI PERSIDANGAN INI, PESERTA AKAN BERKONGSI PENGETAHUAN DAN MENGADAKAN PERBINCANGAN YANG BERKAITAN DENGAN AMALAN SEMASA, INOVASI DAN KEMAJUAN TERKINI.
3. PERSIDANGAN ITU JUGA BERTUJUAN UNTUK MENGGALAKKAN KOLABORASI SINERGISTIK DAN MENYELURUH DI ANTARA AHLI AKADEMIK DAN INDUSTRI.
4. PERSIDANGAN JUGA SATU PENCAPAIAN DALAM MEREALISASIKAN AMANAT TAHUNAN NAIB CANSELOR, SEIRING DENGAN MISI DAN VISI UTeM UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN AKADEMIK DI KALANGAN WARGANYA.

SAMBUTAN

1. PESERTA & PEMBENTANG :
 - TERDIRI DARIPADA AHLI AKADEMIK, INDUSTRI DAN PELAJAR.
 - LEBIH 200 KERTAS KERJA TELAH DITERIMA;
 - SEBANYAK 70% MERUPAKAN KERTAS KERJA PENYELIDIK MALAYSIA MANAKALA 30% DARI LUAR NEGARA YANG MEMBABITKAN LEBIH LIMA BELAS NEGARA TERMASUK AMERIKA SYARIKAT, UNITED KINGDOM, JEPUN, AUSTRALIA, JERMAN, CHINA, INDIA, BANGLADESH, IRAN, JORDAN, KUWAIT, FINLAND, PAKISTAN, HOLLAND DAN THAILAND.

TOPIK PERBINCANGAN

SEBANYAK LAPAN TOPIK BERHUBUNG KEJURUTERAAN TERKINI AKAN DIBINCANGKAN PADA PERSIDANGAN INI SEPERTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN YANG MELIPUTI SUB-TOPIK ADVANCED MANUFACTURING TECHNOLOGY, CONCURRENT ENGINEERING, PRECISION ENGINEERING, AUTONOMOUS & INTELLIGENT MANUFACTURING DAN COMPETITIVE MANUFACTURING.

BAGI TOPIK KEJURUTERAAN MEKANIKAL IA MEMBABITKAN BAHAN-BAHAN TERMAJU, TEKNOLOGI AUTOMATIF, REKA BENTUK DAN INOVASI. DI BAWAH TOPIK KEJURUTERAAN ELEKTRONIK PULA ANTARA PERKARA YANG

DIBINCANGKAN IALAH KEJURUTERAAN KOMPUTER, TELEKOMUNIKASI DAN INDUSTRI ELEKTRONIK.

DI BAWAH TAJUK KEJURUTERAAN ELEKTRIK, AHLI PANEL AKAN MEMBINCANGKAN KEJURUTERAAN INDUSTRI KUASA, PENGAWALAN PERALATAN DAN AUTOMATIK SERTA KEJURUTERAAN MEKATRONIK.

DALAM TOPIK KOMUNIKASI TEKNOLOGI MAKLUMAT ANTARA YANG DISENTUH IALAH MEDIA INTERAKTIF, JARINGAN DAN KESELAMATAN, PENGKALAN DATA DAN KEJURUTERAAN PERISIAN SERTA PEMALSUAN PINTAR.

MANAKALA TIGA TAJUK LAIN IALAH TEKNOLOGI PENGURUSAN DAN KEUSAHAWANAN, PSIKOLOGI INDUSTRI SERTA SAINS GUNAAN.

HASIL PERSIDANGAN

DENGAN PENGANJURAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA INI, UTeM TELAH MENYEDIAKAN PLATFORM YANG AMAT BAIK UNTUK AHLI AKADEMIK DALAM MELAPORKAN DAN BERKONGSI HASIL PENYELIDIKAN SERTA PENEMUAN MEREKA.

IA DAPAT MENCAPAI MATLAMAT NEGARA BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITI TERUTAMANYA MELALUI R & D. INI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PERANAN UTeM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI UNTUK MENGEMBANGKAN ILMU DAN PENGETAHUAN DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI TERUTAMANYA BIDANG TEKNIKAL.

AHLI AKADEMIK DAN PARA INDUSTRI YANG HADIR DALAM SEMINAR INI BERPELUANG UNTUK

MENJALINKAN KERJASAMA PINTAR / INDUSTRI ANTARA MEREKA BAGI MENGHASILKAN PRODUK YANG LEBIH KREATIF DAN INOVATIF. INI AKAN MEMBERI PELUANG BAGI MEMBOLEHKAN HASIL-HASIL PENYELIDIKAN YANG DIBUAT OLEH AHLI AKADEMIK DAPAT DIKOMERSILKAN.

SERAMAI TUJUH ORANG PEMBENTANG PLENARI YANG MERUPAKAN PAKAR DARI AKADEMIK DAN INDUSTRI TELAH DIJEMPUT UNTUK BERKONGSI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN IAITU PROF. PETER J. FLEMING, PROF. EMMANUEL EZUGWU, PROF. JOHN YATES, DR. R.S. SHANKAPAL, EN. DAVID JONES, EN. WALTER SIENER DAN EN. KEVIN KOMRAUS.